

Pertimbangan Antara Maslahat Awam dan Peribadi Berdasarkan Sunnah Nabawiyah: Aplikasi Terhadap Pengagihan Faraid Melalui Kaedah *al-Radd* di Malaysia

[Consideration Between Public and Private Interest Based on the Prophetic Sunnah: Application to the Distribution of Inheritance (Faraid) Through the Method of al-Radd in Malaysia]

Ahmad Sabiq bin Abdul Rahman

PhD's Candidate, Department of Syariah, Islamic Studies Faculty, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600, Malaysia, ismihuahmadsabiq@gmail.com

Ahmad Syihan bin Ismail (Corresponding author)

Department of Syariah, Islamic Studies Faculty, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600, Malaysia, syihanismail@unisiraj.edu.my

Hanaffie bin Hasin

The World Islamic Sciences and Education University (WISE), Jordan, sahabah84@gmail.com

Article

Progress:

Submission date:
20-05-2025

Accepted date:
20-06-2025

ABSTRACT

Sunnah is one of the foundations in making considerations between public interest and specific interest in the determination of fatwas or legal decisions. In certain situations, there are instances where conflict arises between public and specific interests, requiring careful consideration to determine which interest should take precedence. Among the issues that require such consideration is the method of al-radd in the distribution of faraid (inheritance) in specific situations, particularly in Malaysia. Therefore, this study aims to explain the considerations considered based on the Sunnah in determining whether public or specific interest should be prioritized when such a conflict occurs. The focus is on the issue of the al-radd method in the distribution of inheritance, based on fiqh principles related to determining which interest should prevail. To achieve this objective, the study employs a qualitative method by collecting data through library research. Data analysis focuses on arguments that can guide the consideration between public and specific interests, particularly in the issue of the al-radd method. The findings of the study indicate that public interest will be prioritized when it conflicts with specific interest, but under certain conditions. However, there are exceptions in specific situations where specific interest is prioritized over public interest. In the case of the al-radd method, if the remaining estate is returned to the heirs, it does not significantly affect public interest. Thus, through the al-radd method, in certain cases, the welfare of the heirs can be preserved without neglecting public interest.

Keyword: *Sunnah, Public Interest, Personal Interest, al-radd (Reinstatement), Inheritance.*

PENDAHULUAN

Asas dalam pensyariatian ialah bertujuan merealisasikan maslahat kepada umat manusia secara menyeluruh atau memaksimumkannya, dan menghilangkan kemudaratan secara total atau meminimumkannya. Hal tersebut merangkumi kemaslahatan dunia mahupun akhirat, kemaslahatan individu secara khusus mahupun kemaslahatan masyarakat secara umum (Ibn ‘Abd al-Salām, 1991).

Namun demikian, dalam kes-kes tertentu, berlaku pertembungan antara kemaslahatan dan kemudaratan, atau berlaku pertembungan antara dua maslahat, yang menyebabkan tidak semua kemaslahatan itu dapat dicapai secara menyeluruh. Dalam situasi yang lain pula, kemungkinan berlaku pertembungan dua kemudaratan, yang menyebabkan ia tidak dapat dihindari secara menyeluruh. (Ibn ‘Abd al-Salām, 1991).

Demikian juga dalam kes-kes tertentu, pertembungan yang berlaku ialah, pertembungan antara maslahat individu secara khusus, dan maslahat awam (Al-Raysūnī, 2014). Dalam membuat pertimbangan antara pertembungan yang berlaku antara dua maslahat awam dan peribadi, terdapat banyak sunnah nabawiyyah memberi petunjuk dalam menyelesaikan pertembungan itu, dengan memilih maslahat awam berbanding maslahat peribadi. Misalnya, sabda Nabi SAW (Muslim, t.t):

مَنْ احْتَكَرَ فَهُوَ خَاطِئٌ

*"Sesiapa yang melakukan monopoli (barang keperluan awam),
dia adalah orang yang salah."*

Daripada hadith ini, dapat difahami kepentingan awam didahulukan berbanding kepentingan peribadi. Perbuatan monopoli atau menyembunyikan barangan keperluan seperti makanan ruji masyarakat, adalah perbuatan yang salah. Ini kerana perbuatan itu membawa kemudaratan awam, walaupun boleh memberi maslahat secara peribadi kepada pemilik barangan dengan melakukan monopoli. Kata al-Māziri (1991): "Berkata para ulama, Jika seorang lelaki memerlukan makanan dan orang ramai juga memerlukannya, dia mesti menjualnya kepada mereka dengan mengambil kira kemudaratan awam adalah asas dalam hal itu.

Dalam kes pembahagian faraid, terdapat situasi yang berlakunya pertembungan maslahat umum dan khusus. Antara kes tersebut ialah situasi apabila terdapat lebih daripada agihan harta pusaka. Adakah lebih itu dikembalikan kepada waris yang ada dengan kaedah al-radd, atau diserahkan kepada baitulmal? Contohnya seorang si mati hanya mempunyai seorang anak perempuan sebagai pewaris yang berhak mewarisi harta pusaka. Lalu lebih daripada harta pusaka menjadi milik baitulmal mengikut ketetapan mazhab Shafie, yang menjadi sandaran asas dalam perundangan syariah di Malaysia (Sulong, 2008).

Diandaikan si mati hanya meninggalkan sebuah rumah yang sememangnya didiami oleh si mati ketika hayatnya, bersama anak perempuan tersebut, dan tidak ada harta lain yang ditinggalkan kecuali rumah tersebut dan sedikit tunai yang tidak seberapa. Separuh nilai rumah tersebut akan menjadi milik baitulmal. Ini sudah tentu akan menyukarkan kehidupan waris tersebut untuk menebus pusaka daripada pihak baitulmal. Situasi ini meletakkan kemudaratannya yang berat terhadap waris. Malahan menjadi satu bentuk pengabaian kebajikan waris, yang merupakan antara objektif dalam sistem faraid.

Antara alasan penguat bagi ketetapan ini ialah kaedah fiqh iaitu mendahulukan maslahat umum berbanding khusus. Sebagaimana dijelaskan oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor melalui info faraid (efaraid, n.d.):

“Harta pusaka, bila ternyata tidak ada ahli warisnya secara sah dan benar, baik dari Ashab al-furud ataupun para asabah bila diserahkan ke Baitulmal akan dapat mewujudkan kemaslahatan umum, sebab umat Islam akan ikut merasakan faedah dan kegunaannya. Namun sebaliknya, bila diserahkan kepada kerabatnya, maka kegunaan dan faedahnya akan sangat minimum, dan hanya kalangan mereka saja yang merasakannya. Padahal dalam kaedah usul fiqh telah ditegaskan bahawa kemaslahatan umum harus lebih diutamakan daripada kemaslahatan khusus (peribadi).”

Namun begitu, adakah kaedah usul fiqh tersebut diaplikasi dalam semua keadaan? Atau ada pertimbangan yang perlu dinilai terlebih dahulu khususnya dalam persoalan al-radd, sehingga kemaslahatan dapat dimaksimumkan untuk semua pihak, dan kemudaratannya dapat diminimumkan daripada semua pihak. Dalam isu al-radd, adakah kemaslahatan umum melalui baitulmal sentiasa mesti didahulukan? Sekiranya berlaku pengabaian kebajikan waris, adakah tetap didahulukan maslahat umum?

Justeru menerusi artikel ini, pertimbangan berdasarkan sunnah, dalam menentukan adakah maslahat awam, atau peribadi yang wajar didahulukan dalam kes sedemikian, akan mendasari analisis yang dijalankan. Melalui analisis tersebut, penetapan lebih harta pusaka yang diberikan kepada baitulmal bersandarkan kaedah tersebut, dapat dinilai adakah berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh fuqaha dalam mengaplikasikan kaedah tersebut, khususnya dalam isu al-radd. Ini bagi memastikan pertimbangan yang saksama dilaksanakan, bagi menjamin kebajikan waris, tanpa mengetepikan kepentingan awam secara umum.

SOROTAN LITERATUR

Maslahat pada sudut bahasa ialah perbuatan yang membawa kepada manfaat dan kebaikan. Lawan perkataan maslahat ialah mafsadah iaitu kerosakan. (Asma', 2014).

Manakala pada sudut istilah, para ahli usul seperti al-Ghazālī, al-Shāṭibī, dan lain-lain, termasuk ilmunan semasa seperti al-Būṭī, memberikan takrifan yang berbeza, tetapi memiliki maksud yang saling melengkapi. Takrifan mereka itu memberi maksud maslahah pada sudut istilah syarak sebagai pemeliharaan kepada objektif shariah yang lima, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap tindakan yang membawa kepada pemeliharaan lima objektif ini, adalah maslahah. Setiap tindakan yang menyebabkan pengabaianya dianggap mafsadah, dan menolaknya adalah maslahat. (Al-Ḥabjar, 2019)

Maslahat umum bermaksud kebaikan yang cuba dicapai, atau kerosakan yang cuba ditolak untuk umat secara umum, atau kumpulan besar daripada umat, tidak terhad kepada keadaan individu tertentu (Al-Ḥabjar, 2019). Daripada takrifan ini, maslahat umum boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu:

- a. Maslahat umat secara menyeluruh
- b. Maslahat sekumpulan besar daripada umat

Maslahat khusus bermaksud manfaat yang cuba dicapai, atau kerosakan yang cuba ditolak untuk seorang individu, atau beberapa individu (Al-Ḥabjar, 2019). Daripada takrifan ini, maslahat khusus boleh dikategorikan kepada dua, iaitu:

- a. Maslahat untuk seorang individu
- b. Maslahat untuk beberapa individu yang sedikit

Terdapat banyak bukti daripada sunnah, menunjukkan kepentingan umum diutamakan berbanding kepentingan peribadi. Antaranya sebagaimana dikemukakan oleh para ahli usul seperti al-Shāṭibī (1997):

لِأَنَّ الْمَصَالِحَ الْعَامَّةَ مُقَدَّمَةٌ عَلَى الْمَصَالِحِ الْخَاصَّةِ، بِدَلِيلِ النَّهْيِ عَنْ تَلَقِّي
السلع، وعن بيع الحاضر للبائدي، وَاتِّفَاقِ السَّلَفِ عَلَى تَضْمِينِ الصُّنَّاعِ مَعَ أَنَّ
الْأَضْلَ فِيهِمُ الْأَمَانَةُ، وَقَدْ زَادُوا فِي مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ
غَيْرِهِ مِمَّا رَضِيَ أَهْلُهُ وَمَا لَا، وَذَلِكَ يُفْضِي بِتَقْدِيمِ مَصْلَحَةِ الْعُمُومِ عَلَى مَصْلَحَةِ
الْخُصُوصِ، لَكِنْ بِحَيْثُ لَا يُلْحَقُ الْخُصُوصَ مَضَرَّةً

“...kerana kepentingan awam itu didahulukan berbanding kepentingan individu, berdasarkan dalil larangan talaqqī al-silā‘, bay’ al-hāḍir lil bādī, kesepakatan salaf bahawa tukang pembuat adalah bertanggungjawab (sekiranya berlaku kerosakan), walaupun pada asalnya dia adalah orang yang diberi amanah (tidak bertanggungjawab sekiranya tiada ifrāt dan tafiīt). Begitu juga para sahabat telah membesarkan Masjid Nabawi, (dengan mengambil tanah persekitarannya), yang mana ada penduduk yang bersetuju, dan ada yang tidak bersetuju. Hal yang demikian kerana didahulukan kepentingan awam, berbanding kepentingan peribadi, dengan syarat tidak mengakibatkan kemudaratannya kepada individu.”

Dalam kenyataan al-Shāṭibī ini, terdapat dua contoh hadith yang dijadikan sandaran keutamaan maslahat awam berbanding maslahat peribadi. Pertama berkaitan larangan Nabi SAW berkaitan talaqqī al-silā‘, iaitu pemintasan orang tengah terhadap barang jualan, bagi tujuan monopoli dan manipulasi harga pasaran. Ini menyebabkan kemudaratannya awam, baik kepada pemilik barangan, mahupun pelanggan.

Hadith kedua yang dinyatakan oleh al-Shāṭibī ialah bai‘ al-hāḍir li al-bādī, iaitu jual beli orang bandar terhadap orang pedalaman. Maksudnya ialah penguasaan pasaran oleh kumpulan tertentu terhadap kumpulan yang tidak mengetahui harga pasaran. Hal ini juga dilarang oleh sunnah, kerana hanya memanfaatkan kumpulan kecil, berbanding kemudaratannya yang berlaku terhadap kelompok yang lebih besar.

Justeru pada asasnya, apabila berlaku pertembungan antara maslahat awam dan peribadi, sunnah menunjukkan maslahat awam adalah didahulukan. Namun begitu, sekiranya pertembungan antara maslahat awam dan peribadi dapat diharmonikan dan dihindarkan, maka

perlu dihimpunkan dahulu. Dengan demikian, maslahat umum dapat dicapai tanpa berlaku pengabaian maslahat khusus (Al-Habjar, 2019).

Sekiranya sukar untuk mencapai maslahat bagi kedua-dua pihak, maka perlu kepada tarjih. Berdasarkan dalil yang banyak dalam bab ini, ahli usul menetapkan maslahat umum yang akan didahulukan berbanding maslahat khusus. Ini dapat dilihat dengan kaedah yang diputuskan oleh mereka dengan sighah yang pelbagai. Menurut Quṭb al-Raysūnī (2014), sighah yang paling tersebar dan banyak digunakan, frasa yang paling mencapai maksud ialah:

يُتَحْمَلُ الضَّرَرُ الْخَاصُّ لِدَفْعِ الضَّرَرِ الْعَامِ

“Ditanggung kemudaratannya khas untuk menolak kemudaratannya am”

Kaedah ini dengan jelas menyatakan, sekiranya berlaku pertembungan antara dua maslahat, atau dua mudarat, atau antara maslahat dan mudarat, kepentingan awam mesti didahulukan berbanding kepentingan peribadi.

Misalnya bertembung dua kemudaratannya, antara kepentingan awam dan individu, kepentingan awam perlu didahulukan. Ini kerana penolakan terhadap kemudaratannya awam, membawa kepada kemaslahatan yang lebih besar dan luas, berbanding kepentingan individu yang terhad kepada seorang atau kelompok yang kecil.

Pada asasnya, berdasarkan dalil sunnah yang banyak, menjelaskan maslahat atau kepentingan umum dimenangkan ke atas kepentingan peribadi. Namun begitu, terdapat syarat yang perlu dipenuhi kaedah itu sebelum diaplikasikan. Tidak semestinya kepentingan awam sentiasa didahulukan. Ada situasi, kepentingan awam akan lebih terjejas sekiranya didahulukan. Misalnya, berlaku satu peristiwa di zaman Nabi SAW, ketika seorang lelaki membuang air kecil di dalam masjid Nabawi. Sebahagian sahabat hendak menghalau lelaki tersebut keluar. Tetapi Nabi SAW melarang para sahabat, dan menyuruh mereka membiarkan lelaki itu selesai menunaikan hajat. Setelah selesai, baginda memerintahkan para sahabat membersihkan najis lelaki tersebut (Al-Bukhārī, 1987).

Kata Ibn Daqīq (1953) berkenaan kejadian dalam hadith ini, Nabi SAW menegah sahabat daripada menghalau lelaki itu ketika sedang kencing, kerana hal itu akan menambah mudarat ke atas mudarat yang telah sedia ada berlaku. Sebaliknya membiarkan dia menyelesaikan hajatnya, kerana kalau dia takut ketika diherdik para sahabat, najisnya akan terpercik ke bahagian masjid yang lain pula.

Dalam peristiwa ini, kepentingan awam, iaitu kebersihan dan kemuliaan masjid, terpaksa diabaikan. Ini kerana sekiranya kepentingan awam didahulukan, kemudaran awam akan menjadi lebih buruk. Justeru Baginda SAW mengarahkan lelaki Badawi itu menyelesaikan urusannya tanpa diganggu.

Demikian sebagaimana dinukilkan daripada al-Shāṭibī (1997):

إِذَا كَانَتِ الْمَشَقَّةُ الْعَامَّةُ أَكْثَرَ، اُعْتَبِرْ جَانِبَهَا وَأَهْمِلْ جَانِبَ الْخَاصَّةِ، وَإِنْ كَانَ
بِالْعَكْسِ، فَالْعَكْسُ

“Jika kesusahan umum lebih besar, aspeknya diambil kira dan aspek peribadi diabaikan, dan jika sebaliknya, maka sebaliknya.”

Daripada apa yang dinyatakan oleh al-Shāṭibī, sekalipun majoriti dalil sunnah menunjukkan maslahat awam didahulukan, tetapi bukan semestinya sentiasa sedemikian. Adapun dimenangkan maslahat umum ke atas maslahat khusus, mesti dengan memenuhi syarat-syarat berikut: (Al-Ḥabjar, 2019)

1. Wujud pertembungan dan tidak dapat dihimpunkan kepentingan awam dan peribadi secara bersama.
2. Mestilah kepentingan peribadi yang terabai itu boleh digantikan, supaya maslahat umum yang hendak dicapai, tidak membawa kepada pengabaian maslahat khusus tanpa ganti. Misalnya pihak kerajaan yang membuat keputusan mengambil tanah individu, untuk dibuat jalan bagi kegunaan awam. Maka nilai tanah tersebut perlu diberikan ganti rugi kepada pemilik tanah tersebut mengikut penilaian daripada pihak berautoriti (International Islamic Fiqh Academy, 1988).

Selain itu terdapat aplikasi yang ditunjuki mazhab Mālikī, iaitu orang yang boleh menjadi punca orang lain jatuh sakit akibat ‘ain, hendaklah dikurung, tidak boleh dibiarkan bebas dalam masyarakat. Sekiranya dia orang yang miskin, mestilah pihak berkenaan menanggung keperluan hariannya. (Al-Raysūnī, 2014).

3. Mestilah maslahat umum itu lebih atau sama kuat daripada maslahat khusus. Misalnya maslahat umum itu adalah berkaitan ḍarūriyāt, dan maslahat khusus itu berkaitan ḍarūriyāt atau ḥajiyāt. Jika sebaliknya, kalau didahulukan maslahat umum yang bersifat ḥajiyāt, berbanding maslahat khusus yang bersifat ḍarūriyāt, hal itu bersalahan dengan objektif syariah.

Syarat ketiga ini boleh juga difahami daripada peristiwa seorang lelaki yang ingin menyertai jihad menyerang yang hukumnya bukan fardu ain melainkan ditetapkan oleh pemerintah. Lelaki itu bertanya kepada Rasulullah SAW:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أَخْرُجَ فِي جَيْشٍ كَذَا وَكَذَا وَأَمْرًا تَرِيدُ الْحَجَّ فَقَالَ
اخْرُجْ مَعَهَا

“Wahai Rasulullah, saya hendak menyertai pasukan tentera sekian dan sekian. Tetapi isteri saya hendak menunaikan haji. Lalu baginda menjawab: keluar dengan isterimu (menunaikan haji). (Al-Bukhārī, 1987)

Berkenaan hadith ini, Al-Nawawī (1392) berkata, pada hadith ini menunjukkan perlu mendahulukan sesuatu yang lebih penting ketika berlaku pertembungan (dua perkara penting). Ini kerana, berlaku pertembungan maslahat terhadap lelaki itu, antara bermusafir untuk menyertai peperangan, dan musafir mengerjakan haji bersama isterinya. Maka didahulukan maslahat mengerjakan haji dengan isterinya, kerana peperangan boleh ditanggung oleh orang lain, berbanding mengerjakan haji dengan isterinya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif dan analitis bagi meneliti pertimbangan antara maslahat umum dan maslahat khusus berdasarkan sunnah nabawiyah, khususnya dalam konteks pengagihan faraid melalui kaedah al-radd di Malaysia. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji menghuraikan secara mendalam prinsip-prinsip fiqh yang berkaitan serta aplikasi semasa dalam sistem perundangan Syariah di negara ini.

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan sepenuhnya melalui kaedah kepustakaan. Data diperoleh daripada sumber-sumber utama hukum Islam seperti al-Quran, hadith, dan kitab-kitab fiqh yang muktabar dari pelbagai mazhab, termasuk Mazhab Shafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali. Di samping itu, kajian turut merujuk kepada karya-karya kontemporari seperti artikel jurnal, buku akademik, fatwa-fatwa semasa, serta dokumen rasmi termasuk enakmen-enakmen Syariah negeri dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam.

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan pendekatan perbandingan. Analisis ini melibatkan penilaian terhadap dalil-dalil yang dikemukakan oleh para ulama dalam membincangkan keutamaan maslahat, serta penilaian terhadap hujah-hujah perbandingan antara pendapat mazhab mengenai pelaksanaan kaedah al-radd. Pendekatan tarjih

turut digunakan bagi memilih pandangan yang lebih kuat dan sesuai diaplikasikan dalam konteks semasa Malaysia, khususnya apabila berlaku pertembungan antara kepentingan waris dan kepentingan awam.

Melalui kaedah ini, kajian berjaya mengenal pasti prinsip-prinsip sunnah yang boleh dijadikan asas pertimbangan dalam mendahulukan sesuatu maslahat. Disamping itu, analisis turut mengambil kira faktor-faktor praktikal seperti kemampuan baitulmal, statistik kutipan harta pusaka, serta kesan sosial dan ekonomi terhadap waris yang terlibat. Hasil daripada pendekatan metodologi ini, kajian dapat mengemukakan cadangan yang bersifat realistik dan selari dengan maqasid syariah dalam memastikan kebajikan waris dipelihara tanpa mengenyepikan kepentingan masyarakat umum.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Pengecualian Aplikasi Kaedah Berdasarkan Sunnah

Berdasarkan syarat yang dinyatakan didalam perbincangan di atas, dapat difahami bahawa, kepentingan awam bukan sentiasa didahulukan berbanding kepentingan peribadi. Dalam kes atau situasi tertentu, didahulukan kepentingan individu ke atas kepentingan awam. Hal ini juga boleh difahami daripada hadith ‘Abd Allāh bin ‘Amr, beliau berkata:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنَهُ فِي الْجِهَادِ فَقَالَ أَحْيٌ وَالِدَاكَ
قَالَ نَعَمْ قَالَ فَفِيهِمَا فَجَاهِدْ

“Datang seorang lelaki kepada Nabi SAW, beliau meminta izin daripada baginda untuk menyertai jihad. Nabi SAW bertanya, “emak dan ayah kamu masih hidup?” (Al-Bukhāri, 1987)

Jihad membabitkan maslahat dan kepentingan awam yang lebih besar. Manakala berbakti kepada ibu bapa pula ialah maslahat dan kepentingan peribadi. Tetapi dalam hadith ini, Nabi SAW menyuruh lelaki itu untuk berbakti kepada ibu bapanya, berbanding turut serta dalam misi jihad.

Demikian juga dalam hal mencegah kemungkaran. Sabda Nabi SAW:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ
وَذَلِكَ أَوْفَى الْإِيمَانِ

“Sesiapa yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangan. Kalau dia tidak mampu (dengan tangan), maka dengan lisan. Kalau tidak mampu (dengan lisan), maka dengan hati. Itu adalah selemah-lemah iman.” (Muslim, t.t)

Perbuatan mencegah kemungkaran adalah bersifat menjaga kepentingan awam. Namun begitu, dalam kes tertentu, perbuatan mencegah kemungkaran itu mungkin mendedahkannya kepada risiko keselamatan sendiri. Dalam hal ini, al-Nawawī (1971) menjelaskan:

وَأَجْمَعَ الْعُلَمَاءُ عَلَى أَنَّهُ فَرَضُ كِفَايَةٍ فَإِنْ خَافَ مِنْ ذَلِكَ عَلَى نَفْسِهِ أَوْ مَالِهِ أَوْ عَلَى غَيْرِهِ سَقَطَ الْإِنْكَارُ بِيَدِهِ وَلِسَانِهِ وَوَجَبَتْ كَرَاهَتُهُ بِقَلْبِهِ

“Para ulama bersepakat bahawa dakwah ialah fardu kifayah. Kalau seseorang itu bimbang keselamatan dirinya, atau hartanya, atau diri dan harta orang lain, maka gugur kewajiban mengingkari kemungkaran dengan tangannya dan lisannya, dan wajib dia membencinya di dalam hati.”

Jika dilihat pada sudut kepentingan awam dan peribadi, dakwah ialah kepentingan awam, manakala keselamatan nyawa dan harta individu ialah kepentingan peribadi. Namun dalam kes tertentu, dakwah dengan tangan dan lisan tidak boleh dilaksanakan. Justeru menjaga kepentingan dakwah adalah kritikal, terutama dalam usaha memelihara masalah dan menutup segala pintu mafsadah (Bin Ismail, A.S et al, 2024). Berdasarkan dalil-dalil sunnah yang dinyatakan, ini menunjukkan kepentingan awam bukan sentiasa diutamakan berbanding kepentingan peribadi.

Kaedah Radd Dalam Pembahagian Faraid

Faraid ialah perintah pembahagian harta pusaka yang telah ditetapkan oleh Allah SWT secara terperinci dalam al-Quran. Namun begitu, ada beberapa kes pembahagian kepada waris-waris, yang tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran. Ini menjadi antara faktor berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha, tentang kaedah pembahagian harta pusaka yang ditinggalkan si mati kepada para waris. Antara kes pembahagian yang tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran mahupun hadith, ialah situasi terdapat lebihan atau baki harta pusaka setelah dibahagikan kepada ahli waris yang berhak mengikut faraid. Lebihan harta pusaka itu, diberikan kepada siapa? Situasi ini yang dibincangkan melalui bab kaedah radd dalam pembahagian faraid.

Pengertian Radd

Pada sudut bahasa, radd merujuk kepada beberapa makna. Antaranya al-irjā' (mengembalikan), al-man'ū (menghalang), dan al-ṣarf (berpaling). (Ibn Manẓūr, t.t) Manakala pada sudut istilah pula, terdapat perbezaan interpretasi dalam kalangan fuqaha. Tetapi mengandungi mafhum yang sama, iaitu pengembalian lebih harta sekiranya terdapat baki harta pusaka selepas pembahagian kepada ahli waris yang berhak dengan kadar yang telah ditentukan (Al-Lāḥim, 1421 H).

Pandangan Ulama Berkaitan Kaedah Radd

Para ulama dalam kalangan mazhab yang empat, berbeza pandangan tentang kaedah pembahagian radd. Secara am, terdapat dua pendapat berbeza dalam kalangan mereka (Al-Zuhaylī, 2001):

Pandangan pertama: Radd diterima sebagai sebahagian kaedah pewarisan harta pusaka dalam faraid. Pandangan ini dipilih oleh Mazhab Hanafi dan Hanbali. Manakala Mazhab Syafie dan Muta'akkhirin Maliki menerima pakai pandangan ini secara bersyarat, iaitu sekiranya pengurusan baitulmal tidak teratur.

Pandangan kedua: Radd tidak diterima sebagai kaedah pewarisan harta pusaka dalam faraid. Pandangan ini dipegang oleh Mazhab Maliki dan Mazhab Syafie. Manakala Mazhab Syafie dan Mutakakhirin memilih pandangan ini sekiranya baitulmal memiliki pengurusan yang efisien. Justeru baki harta pusaka selepas pembahagian faraid diserahkan kepada pihak baitulmal.

Syarat Pelaksanaan Radd dan Contoh

Bagi kumpulan ulama yang menerima kaedah radd, mereka meletakkan 3 syarat untuk melaksanakannya dalam pembahagian faraid, syarat tersebut ialah (Al-Zuhaylī, 2001):

1. Wujud waris yang layak mewarisi secara fardu (jumlah yang tetap)
2. Tidak terdapat waris yang layak mewarisi secara 'aṣābah
3. Terdapat baki daripada harta pusaka selepas dibahagikan kepada waris yang berhak

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama yang menerima kaedah radd, tentang siapa ahli waris yang berhak mendapat pewarisan secara radd. Cuma kajian ini tidak memberi fokus dalam hal tersebut. Tetapi secara umum, menurut mereka, ahli waris dan ẓawī al-arḥām adalah lebih berhak berbanding baitulmal, kerana hubungan yang terbina atas ikatan kekeluargaan itu adalah lebih kuat dan lebih berhak dipelihara.

Manakala contoh bagi pengiraan faraid dengan kaedah radd, seperti berikut:

Diandaikan seorang lelaki meninggal dunia, waris yang ditinggalkan ialah seorang isteri dan seorang anak perempuan. Dalam kes ini, berikut ialah pembahagian faraid mereka mengikut pandangan majoriti mazhab yang menerima kaedah radd:

Waris	Penyelesaian Faraid		
	Bahagian fardu	Sahm (6)	Taṣḥīḥ kaedah Radd
Isteri	1/8	1/8	1/8
Anak Perempuan	1/2	4/8	$4/8 + 3/8 = 7/8$
Lebihan faraid		3/8	Dikembalikan kepada waris

Tetapi sekiranya kaedah radd tidak diguna pakai, baki harta pusaka akan diserahkan kepada baitulmal. Contoh pengiraannya bagi kes seperti di atas adalah seperti berikut:

Waris	Penyelesaian Faraid	
	Bahagian fardu	Sahm (6)
Isteri	1/8	1/8
Anak Perempuan	1/2	4/8
Baitulmal	Baki	3/8

Pengamalan Kaedah Radd di Malaysia

Sistem perundangan Syariah di Malaysia secara umum, sememangnya menjadikan Mazhab Shafie sebagai rujukan utama. Jika dirujuk kepada peruntukan yang termaktub dalam Seksyen 39 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, mufti mestilah mengikuti pendapat muktamad Mazhab Shafie. Hanya perkara yang berlawanan dengan kepentingan awam sahaja yang membolehkan mufti mengguna pakai pandangan muktamad dalam Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali. Jika kesemua pandangan muktamad dalam mazhab yang empat itu berlawanan juga dengan kepentingan awam, maka mufti boleh menyelesaikan persoalan tanpa terikat dengan mana-mana mazhab yang empat itu. (Zahari, 2020)

Menurut Zahari (2020), negeri-negeri lain turut memperuntukkan perkara yang sama sebagaimana kandungan seksyen 39 di atas, tetapi diletakkan pada enakmen, nombor dan tajuk seksyen yang berbeza. Cuma negeri Perlis sahaja yang tidak memperuntukkan Mazhab Syafie menjadi mazhab rujukan utama. Sebaliknya lebih terbuka, dengan mengikut al-Quran dan atau Sunnah Rasulullah SAW, sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 54, Enakmen Pentadbiran Agama Islam No. 4, 2006.

Berdasarkan peruntukan undang-undang Syariah di kesemua negeri-negeri di Malaysia, yang menjadikan Mazhab Syafie sebagai rujukan utama, maka kaedah radd dalam pembahagian

harta pusaka tentu tidak diterima. Ini bersesuaian dengan pandangan dalam mazhab Syafie yang tidak menerima kaedah radd sebagai sebahagian daripada penyelesaian faraid. Sebaliknya baki harta pusaka dikembalikan kepada baitulmal.

Manakala bagi negeri Perlis, memandangkan peruntukan undang-undang tidak menjadikan Mazhab Syafie sebagai rujukan utama, penggunaan kaedah radd dalam pembahagian harta pusaka ada kebarangkalian hakim syarie memutuskan untuk menggunakan kaedah radd kes-kes tertentu. Hal ini berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke 37/2018 yang bersidang pada 12 September 2018 (muftiperlis.gov.my), berkenaan fatwa pengurusan harta pusaka. Fatwa berkenaan menyatakan:

“Harta yang ditinggalkan tanpa pewaris dalam kalangan Ashab al-Furudh dan Asabah diuruskan oleh MAIPs demi untuk kepentingan umat Islam. Dalam masa yang sama pihak pengurusan MAIPs wajar untuk memberikan keutamaan kepada Zawil Arham jika ia dapat dilakukan. Hal ini lebih menepati keperluan semasa dalam konteks perundangan negara kita.”

Walaupun fatwa ini hanya menyebut tentang zawil arham sahaja, ia termasuk sebahagian daripada bab yang membincangkan kaedah radd dalam pembahagian faraid. Ini kerana mereka yang menerima pewarisan zawil arham, bererti menerima pewarisan secara radd, begitu juga sebaliknya. Yang mana, dalam isu ini, diutamakan ahli keluarga berbanding baitulmal bagi penyelesaian harta pusaka yang berbaki selepas pembahagian faraid kepada waris yang berhak.

Namun demikian, sebelum keputusan fatwa Perlis berkaitan isu radd ini, Jasni Sulong (2008) merekodkan terdapat dua kes di Negeri Perlis, iaitu kes Habsah bt Haji Talib (1999), yang mana waris yang ada hanya seorang anak perempuan. Kes kedua ialah kes Chik bt Jusoh (2002), yang mana waris yang layak hanya dua orang anak perempuan. Bagi kedua-dua kes ini, hakim memutuskan untuk tidak melaksanakan kaedah radd, dan menyerahkan baki harta pusaka kepada pihak baitulmal.

Hubung kait Antara Kepentingan Awam dan Peribadi dengan Kaedah Radd

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, terdapat dua pandangan dalam kalangan fuqaha berkaitan permasalahan ini. secara ringkas, dalil-dalil yang menjadi sandaran kedua-dua kumpulan ulama ini adalah bersifat *ẓanni al-dilalah*. Dalil sebegini terdedah kepada lebih daripada satu pemahaman. Justeru dalam melakukan tarjih, perlu ada pemberat bagi menyokong hujahan dan pandangan masing-masing. Seperti yang dinyatakan pada awal artikel ini, antara

pemberat yang menyokong untuk lebih harta pusaka ini diserahkan kepada baitulmal ialah kaedah fiqh yang berbunyi:

يُتَحْمَلُ الضَّرَرُ الْخَاصُّ لِدَفْعِ الضَّرَرِ الْعَامِ

“Ditanggung kemudharatan khas untuk menolak kemudharatan am”

Kaedah ini dikemukakan untuk menyokong fatwa mazhab Syafie yang berpendapat baitulmal yang diurus tadbir dengan baik, adalah lebih berhak ke atas lebih harta pusaka, berbanding dikembalikan kepada ahli waris. Seperti yang dinyatakan oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (<https://efaraid.mais.gov.my/baitulmal/>, n.d.):

“Harta pusaka, bila ternyata tidak ada ahli warisnya secara sah dan benar, baik dari ashab al-furud ataupun para asobah bila diserahkan ke Baitulmal akan dapat mewujudkan kemaslahatan umum, sebab umat Islam akan ikut merasakan faedah dan kegunaannya. Namun sebaliknya, bila diserahkan kepada kerabatnya, maka kegunaan dan faedahnya akan sangat minimum, dan hanya kalangan mereka saja yang merasakannya. Padahal dalam kaedah usul fiqh telah ditegaskan bahawa kemaslahatan umum harus lebih diutamakan daripada kemaslahatan khusus (peribadi).”

Berdasarkan keterangan di atas, dalam isu lebih harta pusaka, kaedah radd dilihat tidak berpihak kepada kepentingan dan maslahat umum, kerana kaedah radd ini hanya menjadikan lebih harta pusaka dinikmati oleh sekumpulan kecil umat islam, iaitu dalam kalangan ahli waris. Berbanding jika diserahkan kepada baitulmal, harta tersebut dapat dirasai manfaatnya oleh lebih ramai umat islam secara umum.

Namun begitu, untuk mengaplikasi kaedah fiqh tersebut dalam mengutamakan maslahat umum, dengan menyerahkan baki harta pusaka kepada baitulmal, tetap tertakluk kepada syarat dan parameter yang ditetapkan ahli usul sebelum kaedah ini diaplikasi. Parameter tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam artikel ini, iaitu pertama, tidak dapat dihindarkan kedua-dua maslahat. Kedua, maslahat peribadi itu perlu mendapat gantian yang setimpal, dan ketiga, maslahat umum yang ingin dicapai itu adalah lebih besar daripada maslahat peribadi yang diabaikan itu.

Justeru dalam hal ini, adakah penyerahan lebih harta pusaka kepada baitulmal menepati parameter pengaplikasian kaedah fiqh tersebut? Untuk menentukan kepatuhan

terhadap parameter tersebut, kajian berpendapat, perlu untuk dilihat kepada jumlah pendapatan baitulmal bagi sesuatu negeri itu sendiri. Mengambil contoh kutipan negeri yang paling membangun di Malaysia, iaitu negeri Selangor, pendapatan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui baitulmal dari 2019 sehingga 2022 ialah seperti berikut (Abdullah, 2024):

Pendapatan	2019	2020	2021	2022
Faraid	2,131,025	2,135,430	2,578,616	1,931,966
Selain faraid	76,873,220	38,317,212	18,390,493	28,113,064
Jumlah	79,004,245	40,452,642	20,969,109	30,045,030

Daripada keseluruhan pendapatan melalui baitulmal ini, berikut ialah pembahagian berdasarkan peratusan:

Pendapatan	2019	2020	2021	2022
Faraid	2.70%	5.28%	12.30%	6.43%
Selain faraid	97.3%	94.72%	87.7%	93.57%
Jumlah	100%	100%	100%	100%

Berdasarkan jadual di atas, pendapatan MAIS melalui faraid, masih agak rendah berbanding jumlah keseluruhan pendapatan bagi tempoh empat tahun, yang diperoleh melalui pelbagai sumber seperti dividen pelaburan, hartanah, pensijilan halal, denda mahkamah dan lain-lain (Abdullah, 2024). Secara purata, pendapatan MAIS melalui faraid hanya sekitar 6.6775 % sahaja bagi empat tahun tersebut.

Analisis Pengaplikasian Maslahat Awam dan Peribadi Berdasarkan Sunnah dalam Pengagihan Pusaka Berdasarkan Kaedah Radd

Daripada data yang dikemukakan di atas, kajian berpendapat, berdasarkan keterangan dalil-dalil sunnah dalam pertimbangan kepentingan awam dan peribadi, sekiranya didahulukan maslahat umum berbanding maslahat peribadi dalam isu penyerahan baki harta faraid kepada baitulmal, adalah sedikit tidak menepati parameter yang ditetapkan untuk kepentingan awam didahulukan

Ini kerana, untuk mendahulukan kepentingan awam, pertama, mestilah dengan syarat tidak dapat dihindarkan masalah umum dan peribadi. Dalam isu ini, maslahat ahli waris dan maslahat umat islam masih boleh dihindarkan. Ini kerana peratusan pendapatan melalui faraid masih di paras yang rendah, berbanding kutipan keseluruhan MAIS bagi memenuhi keperluan umat Islam. Justeru maslahat umum masih tidak terjejas secara ketara sekiranya kaedah radd diamalkan. Dengan erti kata lain, sekiranya terdapat permohonan daripada ahli waris, maka

Mahkamah Syariah sewajarnya membuat pertimbangan dalam menjamin kebajikan waris berdasarkan fakta kes.

Parameter kedua, maslahat peribadi itu perlu mendapat gantian yang setimpal. Sekiranya baki harta pusaka diserahkan kepada baitulmal, masih tidak dapat dibuktikan apakah pampasan yang setimpal diperoleh oleh ahli waris, bagi memastikan kebajikan mereka tidak terabai. Sedangkan sekiranya baki harta pusaka itu dikembalikan kepada ahli waris, kesan ke atas maslahat umum masih sangat minima.

Garis panduan ketiga pula, maslahat umum yang ingin dicapai itu adalah lebih besar daripada maslahat peribadi yang diabaikan itu. Dengan erti kata lain, kemaslahatan umum yang hendak dicapai, mestilah lebih besar daripada kemudaran yang terpaksa ditanggung oleh sebahagian pihak itu. Sekiranya penyerahan baki harta pusaka kepada baitulmal, membawa kepada kemudaran yang ketara kepada ahli waris, maka sudah tentu perkara itu tidak menepati roh syariah. Malahan boleh dielakkan tanpa berlaku pengabaian terhadap kepentingan umum.

Pertimbangan Maslahat Umum dan Khusus Berdasarkan Situasi Ahli Waris

Sekiranya semua kes lebihan harta pusaka, diserahkan kepada baitulmal berdasarkan peruntukan perundangan yang sedia ada, ini bererti, ahli waris tanpa mengambil kira latar belakang dan kedudukan kewangan, perlu menanggung kemudaran peribadi. Dengan hujahan demi mencapai objektif memelihara kepentingan dan maslahat awam. Namun persoalannya, adakah penyerahan lebihan harta pusaka itu kepada ahli waris melalui kaedah radd, akan membawa kepada kemudaran awam, disebabkan kutipan baitulmal yang akan berkurangan, yang membawa kepada terjejasnya aktiviti pembangunan dan kebajikan umat Islam secara signifikan? Jika berdasarkan penelitian yang telah disebut di atas, penerapan kaedah radd dalam kes-kes tertentu, tidak akan memberi kesan yang signifikan terhadap pendapatan baitulmal. Seterusnya tidak menjejaskan kepentingan umat Islam secara umum.

Justeru pertimbangan untuk menjaga kepentingan dan maslahat ahli waris, perlu dilakukan oleh mahkamah Syariah sebelum memutuskan lebihan harta pusaka diberikan kepada baitulmal, atau dikembalikan kepada ahli waris yang layak berdasarkan kaedah radd. Ini kerana dalam kes tertentu, pengabaian kaedah radd boleh memberi kesan mudarat yang signifikan terhadap sesetengah ahli waris. Sebagai contoh, si mati yang meninggalkan isteri yang tidak berkerja, dan anak perempuan yang masih kecil. Harta yang diwariskan pun tidak lah seberapa. Diandaikan hanya meninggalkan sebuah rumah yang sedang didiami oleh balu dan anak

perempuannya itu. Jika kaedah radd tidak diaplikasi, berikut adalah contoh kes yang boleh diandaikan;

Waris	Penyelesaian Faraid		
	Bahagian fardu	Sahm (6)	Nilai Rumah (RM 200,000)
Isteri	1/8	1/8	RM 25,000
Anak Perempuan	1/2	4/8	RM 100,000
Baitulmal	Baki	3/8	RM 75,000

Dalam kes sebegini, jadual ini menunjukkan baitulmal mewarisi nilai pusaka yang lebih tinggi berbanding isteri si mati. Untuk ahli waris iaitu isteri dan anak perempuan memiliki rumah itu bersama secara penuh, mereka perlu menebus bahagian baitulmal daripada rumah yang ditinggalkan si mati itu, iaitu sebanyak RM 75 ribu. Diandaikan si mati langsung tidak meninggalkan wang tunai, dan waris itu sendiri miskin dan tidak memiliki kemampuan kewangan, situasi ini pasti menyulitkan lagi kehidupan mereka selepas ditimpa kematian ahli keluarga.

Dalam kes-kes tertentu yang membabitkan kaedah radd, kajian berpendapat, ia perlu dibaca bersama sabdaan Nabi SAW kepada Sa'ad bin Abī Waqqāṣ. Ketika Nabi SAW menziarahi beliau yang sedang sakit, beliau mengadu kepada Nabi SAW. Kata beliau, beliau orang berharta, dan hanya memiliki seorang anak perempuan sahaja yang layak mewarisinya. Beliau meminta izin daripada Nabi SAW, untuk bersedekah 2/3 hartanya untuk kegunaan kaum muslimin. Baginda menegahnya, dan menyatakan wasiat tidak boleh melebihi 1/3 daripada harta. Baginda SAW menambah:

إِنَّكَ أَنْ تَذَرَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ ، خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَذَرَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ

"Jika engkau meninggalkan waris engkau dalam keadaan kaya-raya, adalah lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka dalam keadaan miskin, meminta-minta dengan orang ramai." (Al-Bukhārī, 1987).

Daripada apa yang disabdakan oleh Baginda SAW ini, dapat difahami dengan jelas, maslahat peribadi waris Sa'ad bin Abī Waqqāṣ telah didahulukan oleh Baginda SAW, berbanding kepentingan awam yang boleh dicapai melalui amalan sedekah sama ada melalui wasiat atau selainnya. Demikian dalam isu kaedah radd juga, kepentingan ahli waris tidak sepatutnya terus diketepikan, dengan alasan menjaga kepentingan awam melalui penyerahan baki harta pusaka kepada baitulmal. Jika kepentingan awam sentiasa didahulukan, sudah tentu

Baginda SAW akan bersetuju dengan permintaan Sa'ad bin Abī Waqqās untuk menginfakkan 2/3 hartanya untuk kegunaan umum orang Islam.

Kesimpulan dan Cadangan

Berdasarkan kajian ringkas ini, dapat dirumuskan beberapa kesimpulan penting, tentang pertimbangan antara kepentingan awam dan peribadi, dalam permasalahan berkaitan agihan faraid berdasarkan kaedah al-radd. Kesimpulan kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Asas pensyariatan bertujuan bagi manusia mencapai maslahat di dunia dan akhirat, dan terhindar daripada kemudaratan di dunia dan akhirat.
- b. Apabila berlaku pertembungan antara kepentingan awam dan kepentingan peribadi, dalil-dalil sunnah menunjukkan kepentingan awam didahulukan dengan syarat-syarat yang tertentu.
- c. Dalam situasi yang tertentu, terdapat hadith-hadith yang memberi isyarat kepentingan peribadi didahulukan berbanding kepentingan awam.
- d. Terdapat pandangan yang berbeza dalam kalangan mazhab fiqh berkaitan pembahagian faraid berdasarkan kaedah al-radd.
- e. Mazhab Shafie berpendapat lebih harta pusaka diserahkan kepada pihak baitulmal sekiranya diurus tadbir dengan baik. Pandangan ini menjadi sandaran dalam amalan perundangan syariah di Malaysia.
- f. Penyerahan lebih harta pusaka kepada pihak baitulmal disokong dengan hujahan mendahulukan kepentingan awam berbanding kepentingan peribadi.
- g. Jumlah kutipan keseluruhan baitulmal tidak terjejas secara signifikan sekiranya baki harta pusaka dikembalikan kepada ahli waris dalam kes-kes tertentu.
- h. Kepentingan awam tidak terjejas sekiranya baki harta pusaka dikembalikan kepada ahli waris dalam kes tertentu. khususnya kes yang jelas menunjukkan kebajikan ahli waris akan terjejas sekiranya kaedah al-radd tidak dilaksanakan.
- i. Kajian mencadangkan agar kaedah al-radd dilaksanakan bagi kes-kes tertentu, kerana ia dilihat lebih menepati objektif syariah dalam pensyariatan hukum faraid, yang bertujuan memelihara kebajikan ahli waris. Misalnya waris merupakan ibu tunggal bersama anak perempuan, yang tidak memiliki ahli keluarga lain yang mampu membantu kelangsungan hidup mereka.
- j. Sunnah menunjukkan objektif faraid ialah bagi menjamin kepentingan dan kebajikan ahli waris agar tidak terabai.

RUJUKAN

- Abdullah, M. M. (2024). *Evaluating the fatwa on surplus estate management in the State of Perlis: Insights into the al-Radd (Reinstatement) method. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 14*(8), 108–119.
- Al-Bukhārī, M. b. (1987). *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Kaherah: Dar al-Sha'b.
- Al-Ghazālī, A. Ḥ. (1993). *Al-Mustaṣfā*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ḥabjar, ' . A. (2019). Uṣūl wa qawā'id al-muwāzanah bayn maṣlaḥat al-fard wa al-jamā'ah. Dalam *Ḥimāyat al-maṣlaḥat al-āmmah fī al-sharī'at al-Islāmiyyah wa al-qanūn al-waḍ'ī* (hlm. 74–109). Tanta: Majallah Kulliyah al-Shariah wa al-Qanun Universiti al-Azhar.
- Al-Lāḥim, ' . a.-K. (1421H). *Al-Farā'id*. Riyadh: Wizarah al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Al-Māzirī, A. ' . (1991). *Al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim*. Tunisia: Al-Dar al-Tunisiah li al-Nashr.
- Al-Nawawī, Y. b. (1392H). *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Vol. 9). Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- Al-Nawawī, Y. b. (1971). *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Vol. 12). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Raysūnī, D. Q. (2014). Yutaḥammal al-ḍarar al-khāṣ li daf'i al-ḍarar al-āmm wa taṭbīqātuha al-mu'āṣarah fi al-majālayn al-ṭibbī wa al-bi'ī. *Journal of College of Sharia and Islamic Study, 32*(1), 251–306.
- Al-Shāṭibī, I. b. (1997). *Al-Muwāfaqāt* (Vol. 2). Riyadh: Dar Ibn 'Affān.
- Al-Zuhaylī, M. (2001). *Al-Farā'id wa al-Mawāriṭh wa al-Waṣāyā*. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Asma', A.-M. (2014). *Qawā'id al-tarjīḥ bayna al-maṣāliḥ al-muta'aridah*. Riyadh: Dār al-Āṣimah.
- efaraid. (n.d.). *Baitulmal*. <https://efaraid.mais.gov.my/baitulmal/>
- Bin Ismail, A. S., Hamid, S. N. H., Abdullah, Y. M., & Mokhtar, R. (2024). Pendekatan Maqasid Dakwah Terhadap Pemahaman Ikhtilat: Approach of Maqasid Dakwah Towards Understanding Ikhtilat. *Jamahulail Journal, 3*(2), 19–37. Retrieved from <https://journaljamahulail.kuips.edu.my/index.php/journal/article/view/159>

- Ibn ‘Abd al-Salām, ‘. a.-D. (1991). *Qawā‘id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariah.
- Ibn Daqīq al-‘Īd, M. b. (1953). *Iḥkām al-Aḥkam Sharḥ ‘Umdat al-Aḥkām* (Vol. 1). Kaherah: Maṭba‘ah al-Sunan al-Muḥammadiyah.
- Ibn Manẓūr, M. b. (t.t.). *Lisān al-‘Arab* (Vol. 3). Beirut: Dar al-Sadir.
- Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Duwalī. (1988). <https://iifa-aifi.org/ar/1710.html>
- Muslim, b. H.-N. (t.t.). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Perlis, Jabatan Mufti. (2019, Disember 3). *Fatwa pengurusan lebihan harta pusaka*. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/89-fatwa-pengurusan-lebihan-harta-pusaka>
- Sulong, J. (2008). Kedudukan Mazhab Syafi‘i dalam amalan pembahagian harta pusaka dan wasiat Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(1).
- Zahari, M. M. (2020). Agihan faraid melalui kaedah al-radd (pulangan semula) sebagai mekanisme kebajikan waris dan amalan di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(2), 1-14. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol8no2.263>